

21 JAN 1998

Multimedia

SYARIKAT AMERIKA MULAKAN PROGRAM PENGAJIAN MULTIMEDIA DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Pusat Multimedia Asia Bagi Kajian Profesional (AMCPS) yang berpangkalan di Amerika Syarikat memilih Malaysia sebagai pusat pengajian multimedia yang dianggapnya langkah pertama ke arah menjadikan negara ini pusat pemasaran dunia tanpa sempadan bagi pendidikan multimedia.

Program diploma dan ijazah itu, yang pertama di Asia, akan bermula bulan depan di Assumption College di Teluk Intan sementara menunggu rancangan AMCPS untuk menempatkan operasinya di Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Naib Presiden AMCPS Pengiran Alimin memberitahu Bernama hari ini pusat itu menawarkan kursus-kursus yang diiktiraf dan mendapat akreditasi antarabangsa iaitu Diploma Teknologi Multimedia, Ijazah Sastera (A.A) Teknologi Multimedia dan Ijazah Sarjana Muda Sains Sistem Komputer dan Teknologi Multimedia.

AMCPS mengendalikan kursus itu secara perkongsian dengan Kolej Kemasyarakatan Sosial Pusat Seattle dan City University di Seattle.

Seattle ialah pangkalan syarikat-syarikat besar Amerika seperti Syarikat Boeing dan Microsoft dan semakin pesat menjadi Perkampungan Silikon baru Amerika.

Pengiran Alimin, usahawan kelahiran Brunei yang mempunyai perniagaan di Amerika, berkata AMCPS telah mempersiapkan dirinya untuk membantu para pelajar Malaysia tajaan kerajaan yang menghadapi kesukaran menamatkan pengajian mereka di Amerika berikutan masalah kewangan.

"Kami bersedia membantu segera bagi mengatasi dilema para pelajar tajaan Mara atau kerajaan yang mahu menamatkan pengajian ijazah tulin Amerika di Malaysia. Kami juga bersedia untuk membantu kerajaan dalam mempersiapkan pelajar-pelajar lain mengikut syarat-syarat MSC," katanya.

Beliau berkata program itu akan memerlukan penggunaan meluas teknologi pengajaran terkini dalam pendidikan interaktif dunia tanpa sempadan.

"AMCPS menyediakan para pelajar dan orang dewasa peluang untuk menerima, menyertai dan memperolehi ijazah Amerika masing-masing di tanahair," kata Pengiran Alimin.

Beliau berkata Malaysia dipilih bagi program itu sebagai maklumbalas kepada saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap syarikat-syarikat Amerika dan asing lain supaya terus melabur di Malaysia, tanpa mengira keadaan ekonomi kini.

"Infrastruktur di Malaysia membangun dengan baik, kontemporari dan semakin meluas. MSC Malaysia juga adalah awal daripada jadual berbanding negara lain di Asia yang menawarkan kemudahan serupa," katanya.

Dr Barreto Ogilvie, dekan fakulti di Pusat Kemasyarakatan Sosial Seattle, berkata walaupun dengan masalah mata wang dan ekonomi sekarang di Malaysia, ia tidak boleh mengetepikan keperluan meneruskan tradisi mendedhkan para pelajar kepada pendidikan tinggi terbaik bukan Malaysia.

Ini akan menyediakan platform penting dalam mendapatkan pekerjaan profesional dan kerjaya perindustrian serta penyelidikan di MSC Malaysia atau di luar negara, katanya.

"Amerika telah dan masih menjadi pelopor teknologi masa depan yang akan terus menguasai Era Maklumat pada abad akan datang," katanya.

Para pelajar yang pulang dari luar negara tanpa menamatkan pengajian mereka dan pelajar tempatan yang berhasrat mengikuti kursus itu boleh menghubungi Pengarah AMCPS, Dr Oo Yu Hock, di nombor telefon 05-6232020

atau 05-6232021. -- BERNAMA
AU NAK